

Penuntut antarabangsa UTHM bantu mangsa banjir

BATU PAHAT - Penuntut antarabangsa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membantu meringankan beban mangsa banjir di Pantai Timur dengan menyertai misi bantuan pasca banjir ke Gua Musang, Kelantan.

Misi berkenaan dilakukan atas dasar tanggungjawab sosial mereka tanpa mengira agama, bangsa dan negara dengan menghabiskan masa empat hari bermula 8 hingga 11 Januari lalu.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, kumpulan pelajar yang menyertai misi berkenaan berasal dari Indonesia, Yaman, Nigeria dan Libya itu telah membantu membersih beberapa sekolah di daerah berkenaan.

Katanya, walaupun berbeza bahasa, mereka dapat membiasakan diri berinteraksi dengan penduduk dan terlibat aktiviti gotong-royong.

"Selain sekolah, mereka turut membersihkan kediaman salah seorang penuntut UTHM yang terjejas

serta turut menyertai kumpulan sukarelawan mengedarkan sumbangan barang keperluan dari rumah ke rumah.

"UTHM mula hantar bantuan kemanusiaan sejak 28 Disember lalu ke beberapa kawasan di Pahang dan Kelantan seperti Kuala Lipis, Temerloh, Jerantut dan juga Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian.

"Terkini, UTHM menghantar 38 tenaga pakar ke Gua Musang bagi membantu kerja teknikal. Bantuan kemanusiaan ini akan diteruskan dari masa ke semasa sehingga keadaan kembali pulih," katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta misi berkenaan, Abu Bakar Siddiq Usman, 30, pelajar Ijazah Doktor Falsafah daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan berkata, bencana itu bukan sahaja menyebabkan kerosakan dan kehilangan harita benda, malah turut mengganggu emosi mangsa sehingga memberi tekanan dalam kehidupan sehari-hari mereka.



Antara penuntut antarabangsa UTHM yang menyertai misi bantuan.